



MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak), termasuk Pegawai-Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan layak untuk mengisi kekosongan jawatan iaitu :

JAWATAN : PEMBANTU OPERASI GRED N11

KLASIFIKASI : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

TARAF JAWATAN : KONTRAK/TETAP

JUMLAH KEKOSONGAN : 1 KEKOSONGAN

JADUAL GAJI : GRED N11

MINIMUM RM 1,216.00

MAKSIMUM RM 2,983.00

KENAIKAN TAHUNAN RM 80.00

SYARAT LANTIKAN : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak ;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada Tarikh tutup iklan; dan
- c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N11 : RM 1,216.00) atau
(ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2 dan D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan .
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N11 : RM 1,216.00)

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Indeks Jisim Tubuh (BMI) mestilah normal (tinggi sekurang-kurangnya 160 cm ke atas)

PERMOHONAN

Semua permohonan hendaklah dimuat turun melalui Portal Majlis Perbandaran Teluk Intan iaitu di (www.mpti.gov.my)

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- i. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini.
- ii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup adalah dianggap tidak berjaya.
- iii. Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas akan ditolak.
- iv. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **04 SEPTEMBER 2023**